KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



# MADANI BEKERJA
# LAPORAN PENCAPAIAN
# MENTERI PERPADUAN NEGARA
# TAHUN 2024

MALAYSIA MADANI

Kembara PERPADUAN
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

# SEBAIT SALAM MENTERI PERPADUAN NEGARA

Saat ini, kita telah melangkah ke tahun 2025 dengan azam yang lebih besar, cita-cita yang lebih tinggi dan semangat yang membara untuk terus mengangkat Malaysia sebagai contoh unggul **"Harmoni Dalam Kepelbagaian"**. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga kerja Kementerian Perpaduan Negara dan kesemua agensi dibawahnya yang telah menjadi tulang belakang kejayaan kita pada tahun 2024.

Dasar Perpaduan Negara adalah kompas yang memandu langkah kita, sekaligus turut mengangkat prinsip perpaduan sebagai asas pembangunan negara. Ia dirangka untuk memperkasa integrasi sosial, memastikan semua rakyat Malaysia menikmati keadilan dan kesaksamaan, serta menanamkan nilai patriotisme yang tinggi dalam kalangan generasi muda.

> **"Sebanyak lebih 300 program berimpak tinggi telah dilaksanakan dengan jayanya yang merangkumi tiga kluster utama iaitu Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan dan Komuniti Rahmah"**

Kejayaan ini adalah hasil titik peluh dan usaha gigih setiap individu di kementerian ini. **Anda semua adalah wira yang tidak didendang,** yang telah bekerja tanpa mengenal lelah demi memastikan visi "Perpaduan Dalam Kepelbagaian" menjadi kenyataan. Kejayaan ini juga menjadi bukti bahawa Malaysia mampu menjadi model global dalam mengurus kepelbagaian dan perbezaan antara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya.

Dalam konteks Malaysia, **pembinaan Negara Bangsa adalah proses menyatukan rakyat** yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum, agama, dan budaya di bawah satu identiti kebangsaan. Ia adalah usaha yang berterusan untuk memupuk semangat kebersamaan, memastikan semua rakyat merasai keadilan, kesejahteraan, dan keanggotaan dalam sebuah komuniti besar bernama Malaysia. Negara Bangsa bukan sekadar ungkapan; ia adalah komitmen kolektif untuk memelihara keharmonian, menghormati keluhuran Perlembagaan, dan mendukung prinsip Rukun Negara.

Dengan menyedari bahawa kekuatan kita terletak pada kepelbagaian, aspirasi kita adalah untuk melahirkan rakyat yang bersatu padu dalam mencorakkan masa depan yang lebih cerah sebagai bangsa Malaysia yang unggul.

Tahun ini, kita membawa tema **Harmoni Dalam Kepelbagaian** yang mencerminkan aspirasi kita untuk menjadikan kepelbagaian kaum, agama, budaya, dan bahasa di Malaysia sebagai kekuatan. Kepelbagaian agama, budaya, bahasa, dan adat resam bukan sahaja mencerminkan identiti kita, tetapi juga menjadi asas kepada keutuhan masyarakat. Harmoni tidak datang dengan sendirinya; ia memerlukan usaha pemahaman, penerimaan dan dan rasa saling menghormati antara kita semua. **Melangkah ke tahun 2025**, kementerian akan terus memacu inisiatif perpaduan dengan lebih dinamik. Oleh itu, terdapat **empat ikhtiar utama** yang akan diberikan fokus oleh Kementerian, iaitu:

**EKOSISTEM PERPADUAN**

HARMONI MADANI
FAHAM . HORMAT . TERIMA

**INISIATIF HARMONI MADANI**

**EKSPLORASI RUKUN NEGARA**

**KOMUNITI SOSIO-BUDAYA**

Dalam konteks Malaysia, harmoni berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan pelbagai kaum, agama, dan budaya untuk hidup bersama dalam suasana yang aman. Tahun 2025 akan menyaksikan pelaksanaan program utama kementerian, iaitu **Harmoni MADANI**. Program ini dirangka sebagai inisiatif strategik untuk memperkukuhkan perpaduan dengan pendekatan menyeluruh, berdasarkan nilai-nilai MADANI yang menekankan keberadaban, kemakmuran, dan kesederhanaan.

Akhir kata, marilah kita melangkah ke tahun baharu ini dengan penuh harapan, tekad, dan iltizam untuk terus menyemarakkan semangat perpaduan. Kepelbagaian adalah kekuatan kita, dan harmoni adalah matlamat kita. Dengan bersatu hati, kita mampu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang disegani, dihormati dan dirahmati.



# ISI KANDUNGAN


1 Latar Belakang Kementerian Perpaduan Negara ..... 5

2 Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara ..... 6

3 Dasar Perpaduan Negara ..... 7

4 Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI ..... 8





5 Rangkuman Pencapaian 2024 ..... 9

6 Segmen 1: Program dan Inisiatif Khas ..... 13

7 Segmen 2: Pemerkasaan Jentera Perpaduan ..... 25





8 Segmen 3: Penghayatan Rukun Negara ..... 40

9 Segmen 4: Penyuburan Terhadap Warisan Budaya

- Jabatan Muzium Malaysia ..... 49
- Arkib Negara Malaysia ..... 58
- Perpustakaan Negara Malaysia ..... 69

10 Segmen 5: Meningkatkan Keharmonian Antara Agama ..... 79

11 Segmen 6: Melahirkan Pemimpin Sukarelawan dan Belia ..... 88

12 Segmen 7: Kampung Angkat MADANI ..... 97

13 Segmen 8: Tadbir Urus Perpaduan ..... 100

14 Penghargaan ..... 106

# LATAR BELAKANG KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Institusi yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perpaduan telah melalui beberapa siri evolusi dan transformasi iaitu pada tahun 1969, Jabatan Perpaduan Negara telah ditubuhkan seterusnya Kementerian Perpaduan Negara pada 1972 sehingga ia dimansuhkan pada tahun 1974. Sejak 1974, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah memainkan peranan penting dalam merancakkan agenda perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Pada 10 Mac 2020, Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan semula selepas 46 tahun. Penubuhan semula KPN ini menunjukkan bahawa Kerajaan meletakkan agenda perpaduan sebagai keutamaan yang perlu diuruskan dengan lebih tersusun dan inklusif melalui sistem tadbir urus yang lebih berkesan.

# SEJARAH PENUBUHAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



# JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

SUKARELAWAN SISWA
Student volunteers

YAYASAN SUKARELAWAN SISWA

YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

YAYASAN TUN RAZAK

# DASAR PERPADUAN NEGARA

Dasar Perpaduan Negara (DPN) merupakan dokumen utama yang dijadikan panduan kepada kerajaan dan pihak berkepentingan dalam melaksanakan usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

DPN digubal berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara serta selari dengan dasar-dasar utama negara. Dasar yang berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian menetapkan 3 objektif utama.

1. Mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara



2. Membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, hormat-menghormati dan bertanggungjawab



3. Melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan



DPN turut menggariskan tiga teras utama perpaduan serta 12 strategi bagi mencapai matlamat melahirkan bangsa Malaysia yang patriotik, demokratik dan berkeperibadian tinggi.

# KERANGKA PERPADUAN MALAYSIA MADANI

Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian bagi menyelusuri agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara.

Kementerian turut memperkenalkan Kembara Perpaduan Malaysia MADANI sebagai program *flagship* yang menerajui inisiatif di bawah Agenda Perpaduan Nasional melalui tiga (3) kluster iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.

**KERANGKA PERPADUAN MALAYSIA M A D A N I**

**MEMBANGUN MALAYSIA MADANI**
(Masyarakat yang maju, terampil dan terangkum)

| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **NILAI MADANI** | Kemampanan | Kesejahteraan | Daya Cipta | Hormat | Keyakinan | Ihsan | | | | |
| **FOKUS UTAMA** | Ekonomi & Kewangan | Perundangan | Institusi | Pendidikan | Kebudayaan | Kemasyarakatan | Bandar | Luar Bandar | | |
| **TERAS STRATEGIK** | Membina semula ekonomi | Menjamin kesejahteraan insan | Reformasi institusi demokrasi dan perundangan | Mewujudkan pentadbiran beramanah | | | | | | |
| **DASAR KPN** | PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN (*UNITY IN DIVERSITY*) | | | | | | | | | |
| **ISU DAN CABARAN** | Etnisiti | Agama | Kelas Sosial | Pendidikan | Bahasa | Jurang Generasi | Gender | Politik Federalisme | Ruang Bandar - Desa | Media |
| **TERAS DPN** | Patriotisme dan Demokrasi | Identiti Nasional | Ekosistem Perpaduan | | | | | | | |
| **12 STRATEGI DPN** | Perlembagaan dan Rukun Negara | Bahasa | Komunikasi | Institusi Keluarga dan Komuniti | | | | | | |
| | Sejarah Malaysia | Agama, Budaya dan Adat Resam | Tapak Integrasi | Undang-Undang | | | | | | |
| | Integrasi Nasional | Nilai Murni | Kolaborasi Strategik | Pemimpin | | | | | | |
| ***FLAGSHIP* KPN** | KEMBARA PERPADUAN MALAYSIA MADANI | | | | | | | | | |
| **KLUSTER PROGRAM** | Semarak KENEGARAAN | Semarak PERPADUAN | Komuniti RAHMAH | | | | | | | |
| **PEMBOLEH DAYA** | 1. Meningkatkan peluang ekonomi | 2. Memperkasakan kumpulan minoriti dan rentan ekonomi | | | | | | | | |
| | 3. Mengukuhkan jaringan perlindungan sosial | 4. Merapatkan jurang pembangunan | | | | | | | | |
| **AGENSI KPN** | JPNIN, JMM, ANM, PNM, YSS, YTAR, YTR | | | | | | | | | |
| **AGENSI LAIN** | KPM, KBS, KKDW, MOF, KE, KPWKM, KPT, KPKT, MOTAC (*Whole Of Government Approach*), NGO – *Friends Of Unity* (FoU) | | | | | | | | | |

# RANGKUMAN PENCAPAIAN 2024



**PEMERKASAAN KAWASAN RUKUN TETANGGA PROGRESIF**



**PENGHAYATAN TERHADAP RUKUN NEGARA**



**MELAHIRKAN PEMIMPIN SUKARELAWAN SISWA**



**PENYUBURAN MINAT TERHADAP WARISAN DAN BUDAYA NEGARA**



**MENINGKATKAN KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA**

## 730 PROGRAM DILAKSANAKAN (300 PROGRAM BERIMPAK TINGGI)



**KOMUNITI RAHMAH**



**SEMARAK PERPADUAN**



**SEMARAK KENEGARAAN**

# RANGKUMAN PENCAPAIAN 2024
# KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**1**

152 KRT berjaya dijadikan sebagai KRT Progresif



**2**

Sambutan Minggu Perpaduan peringkat Kebangsaan 2024 di Johor Bahru



**3**

Pelancaran Inisiatif Harmoni MADANI pada April 2024 dengan konsep Faham, Hormat & Terima



**4**

Karnival Liga Sukan UNITI dengan penyertaan hampir 23,000 peserta



**5**

Lafaz Ikrar Rukun Negara di Parlimen Malaysia Februari 2024



**6**

Pelaksanaan program penghayatan Rukun Negara



**7**

48,686 Program Galakan Membaca



**8**

Karnival Baca Perdana sepanjang bulan Oktober 2024 dengan tema Perpaduan Melalui Pembacaan

BACA PERDANA

**9**

10 program Citra Nusa@ Muzium bagi meningkatkan penghayatan masyarakat terhadap kepelbagaian warisan negara




**10**

Pelaksanaan Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional (KSPN) pada 19 September 2024



# RANGKUMAN PENCAPAIAN 2024 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**11**

Peruntukan khas sebanyak RM1,192,882.00 kepada SRS



**12**

Penyelesaian kemelut polemik berkenaan penempatan pegawai JAKIM bersama Perunding Agama Buddha, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST)



**13**

7 program Semarak Muzium berbentuk festival diadakan dalam usaha merapatkan muzium dan masyarakat awam



**14**

11 siri Bicara Kolokial telah dilaksanakan sejak tahun 2023



**15**

571 Mediator Komuniti dilantik sebagai pendamai masyarakat



**16**

4 buah Pusat Mediasi Komuniti ditubuhkan pada tahun 2024 iaitu Perlis, WP Putrajaya, Melaka & Negeri Sembilan



**17**

Pelaksanaan Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah, Sarawak, Kedah, Kelantan & Vietnam



**18**

Pelaksanaan 2 program Negarawan Kita bagi mengenang jasa negarawan



**19**

Muzium Labuan diwartakan sebagai Tapak Warisan pada 5 Mac 2024



**20**

Biasiswa Tunku Abdul Rahman kepada 29 pelajar cemerlang B40

# RANGKUMAN PENCAPAIAN 2024
# KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**21** Peluncuran program Kembara Ilmu: Ini Khazanah Kita



**22** 78 program *Friends of Unity* (FoU) dilaksanakan



**23** Persidangan Manuskrip Melayu yang bertemakan "Kitab Tib:1001 Rahsia Ilmu Perubatan Tradisional"



**24** Penganjuran FoodUnites bagi mewujudkan tapak integrasi kaum melalui keunikan dan kepelbagaian makanan



**25** Pameran Khas Muzium bagi mengeratkan perpaduan kaum menerusi penyertaan aktiviti warisan seni & budaya



**26** Penyertaan 830 peserta kontijen perpaduan Malaysia MADANI sempena perarakan Sambutan Hari Kebangsaan 2024



**27** Peruntukan RM31,828,368.20 bagi memberi kemudahan kepada semua murid Tabika Perpaduan & Taska Perpaduan



**28** Pemerolehan 84 naskhah manuskrip Melayu



**29** Pelaksanaan Sanggar Puisi Perpaduan



**30** Peruntukan RM2.5 juta bagi program Kampung Angkat MADANI



# SEGMEN 1
# PROGRAM DAN INISIATIF KHAS



# SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN

Majlis Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2024 diadakan pada 23 hingga 26 Mei 2024 dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 25 Mei 2024 di Pekarangan Plaza Angsana Johor Bahru.





**269,312 orang**
Keseluruhan bilangan pengunjung

**2,400 peserta**
Malaysia Book of Records (MBOR) bagi 'Most Participants in Kacang Pool Eating Session'

Pelbagai aktiviti menarik yang dapat memupuk keharmonian masyarakat:

- FOODUNITES
- MALAM SENI BUDAYA
- JUALAN RAHMAH
- PAMERAN AGENSI KERAJAAN
- PERMAINAN TRADISIONAL
- PAMERAN MALAYSIA BERTUAH TANAH BERDAULAT
- JUALAN EKONOMI RUKUN TETANGGA

# 23 RUMAH ETNIK DIPAMERKAN SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2024

- MELAYU
- CINA
- INDIA
- BUGIS
- SIAM
- PORTUGIS MELAKA
- BABA NYONYA
- CHETTI MELAKA
- JAWA
- KADAZAN DUSUN

- INDIA MUSLIM
- BANJAR
- MELAYU NEGERI SEMBILAN
- KERINCI
- SIKH
- MELANAU
- BIDAYUH
- MURUT DAN RUNGUS
- KENYAH
- BAJAU / SULUK BRUNEI

- MELAYU BRUNEI
- PERKAMPUNGAN RUMAH PANJANG IBAN
- PERKAMPUNGAN RUMAH ORANG ASLI (SEMAI, MAH MERI & SELETAR)

## PAMERAN PERKAMPUNGAN RUMAH PANJANG ETNIK IBAN





## PAMERAN PERKAMPUNGAN ORANG ASLI





# SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT NEGERI

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 20 APRIL 2024 | 21 APRIL 2024 | 26 - 28 APRIL 2024 | 2 - 4 MEI 2024 | 9 - 12 MEI 2024 |
| 17 - 18 MEI 2024 | 6 - 9 JUN 2024 | 7 - 8 JUN 2024 | 7 - 9 JUN 2024 | 6 - 8 JUN 2024 |
| 8 - 9 JUN 2024 | 21 - 23 JUN 2024 | 27 - 30 JUN 2024 | 29 - 30 JUN 2024 | 19 - 20 OKTOBER 2024 |





# SAMBUTAN PESTA PONGGAL KEBANGSAAN 2024 (OTTURAMAI PONGGAL 2024)

Sambutan Pesta Ponggal Kebangsaan 2024 telah diadakan pada 20 Januari 2024 di Dataran Majlis Perbandaran Klang@Padang Chetty, Klang, Selangor dan dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

**KEHADIRAN SERAMAI**

**3,000 ORANG**

**DARIPADA PELBAGAI KAUM DAN AGAMA**


















# MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MADANI PERINGKAT KEBANGSAAN

Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah telah mengadakan Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI Peringkat Kebangsaan pada 20 April 2024 di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu.

Majlis ini disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan dihadiri oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah.

**33,000**
**ORANG PENGUNJUNG**

**&**

**12**
**RUMAH ETNIK**

# MAJLIS AMANAT PERDANA HARI KEBANGSAAN 2024

Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2024 bersama YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah berlangsung pada 30 Ogos 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Majlis anjuran Kementerian Perpaduan Negara selaku kementerian peneraju dihadiri barisan Menteri Kabinet, penjawat awam, jentera-jentera perpaduan seperti Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Sekretariat Rukun Negara, Kelab Rukun Negara, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), agensi swasta dan orang awam.

**7,000 PESERTA**













# KONTINJEN KOMUNITI MALAYSIA MADANI

Kontinjen Komuniti Malaysia MADANI yang diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2024 merupakan kontinjen perarakan terbesar. Kesemua peserta telah berpakaian lengkap dengan aksesori melambangkan kepelbagaian budaya dan adat resam masyarakat di Malaysia.

Keunikan kontinjen ditonjolkan melalui alatan (props) dan persembahan khas sebagai simbolik perpaduan masyarakat Malaysia.

**ALATAN (PROPS)**

Pohon Beringin, Tepak Sireh, Bunga Emas, Tombak, Daun Sirat, Perisai Tangan, Perisai Cermin dan Perisai Tunjuk dari semua kaum yang terdapat di Malaysia.

**PERSEMBAHAN KHAS**

Kumpulan Jidur & Tetuang, Kumpulan Kompang, Perarakan Chingge, Tarian Naga, Singa dan Pergendangan Cina, Pergendangan Baghra dan Urumi, Tarian Merak serta Perarakan Kuda & Pahlawan Bajau.

**JUMLAH KONTINJEN**

**830 ORANG**

# KARNIVAL LIGA SUKAN UNITI

Karnival Liga Sukan 2024 merupakan penganjuran kali ke-3 oleh Kementerian Perpaduan Negara bagi mengeratkan hubungan rakyat berbilang bangsa dan agama melalui detik-detik perpaduan. Tema yang diangkat adalah "Sukan Menyatukan Kita".

**23,000**
**PESERTA**

**2,220**
**PASUKAN SELURUH NEGARA**

Tiga sukan telah dipertandingkan iaitu

**BOLA JARING**

**BADMINTON**

**FUTSAL**













# FOODUNITES

FoodUnites merupakan program berteraskan warisan tradisional makanan yang mampu mewujudkan tapak integrasi kaum melalui keunikan dan kepelbagaian makanan serta mengukuhkan jalinan interaksi sosial ‘inter’ dan ‘intra’ etnik di Malaysia.

# PAMERAN RUMAH KAMI

Rumah KAMI (Etnik) merupakan satu bentuk aktiviti yang memperkenalkan kebudayaan pelbagai etnik dan kaum di Malaysia meliputi lima (5) elemen utama iaitu pakaian, makanan, permainan tradisional, adat perkahwinan dan alat muzik.

- **KEMPEN "KONGSI MERIAH" ANJURAN MYDIN SEMPENA TAHUN BAHARU CINA**
  *1 FEBRUARI 2024*
- **PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 ZON TENGAH**
  *23 - 25 FEBRUARI 2024*
- **MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MADANI PERINGKAT KEBANGSAAN**
  *20 APRIL 2024*
- **PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 ZON UTARA**
  *3 - 5 MEI 2024*
- **SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2024**
  *23 - 26 MEI 2024*
- **PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 ZON TIMUR**
  *5 - 7 JULAI 2024*
- **PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 ZON SELATAN**
  *15 - 17 OGOS 2024*
- **MAJLIS AMANAT PERDANA HARI KEBANGSAAN 2024**
  *30 OGOS 2024*
- **PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 SARAWAKKU SAYANG**
  *27 - 29 SEPTEMBER 2024*
- **PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 SAYANGI SABAH**
  *18 - 20 OKTOBER 2024*
- **KARNIVAL LIGA SUKAN UNITI PERINGKAT KEBANGSAAN 2024**
  *26 - 27 OKTOBER 2024*
- **PROGRAM 2 TAHUN KERAJAAN MADANI (2TM)**
  *22 NOVEMBER 2024*








# *FRIENDS OF UNITY* (FoU)

*Friends of Unity* (FoU) adalah inisiatif Kementerian bagi mengukuhkan kolaborasi strategik bersama badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dalam menjayakan agenda perpaduan melalui pelaksanaan program-program perpaduan di peringkat komuniti, daerah dan negeri serta program-program utama Kementerian.

## 78 PROGRAM

| | | |
|---|---|---|
| **17** PAMERAN RUMAH KAMI | **16** KEBUDAYAAN | **25** WARISAN |
| **11** BAHASA KOLOKIAL & KEBUDAYAAN KAUM MINORITI | **3** SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN | **3** KEMPEN MEDIA SOSIAL |
| **1** PIDATO RUKUN NEGARA | **1** KESUKARELAWANAN | **1** FORUM KEHARMONIAN ANTARA AGAMA |






# SEGMEN 2
# PEMERKASAAN JENTERA PERPADUAN



# MAJLIS PELUNCURAN PELAN TINDAKAN KRT PROGRESIF

Majlis Peluncuran Pelan Tindakan Pemerkasaan Rukun Tetangga sebagai Penggerak Komuniti Progresif telah diadakan pada 14 Mei 2024 di Dewan Sri Jugra, Banting, Selangor.

Inisiatif RT Progresif adalah untuk memperkukuhkan agenda ekonomi dan kesejahteraan hidup komuniti melalui pelaksanaan aktiviti yang berteraskan ekonomi dengan bantuan dalam bentuk kewangan, teknikal, peralatan, latihan dan bimbingan yang diberikan oleh Kementerian Perpaduan Negara.

**152 KRT**
**BERJAYA DIJADIKAN KRT PROGRESIF**

| | |
|---|---|
| KELANTAN | 14 KRT |
| SELANGOR | 12 KRT |
| KEDAH | 11 KRT |
| PERAK | 15 KRT |
| PERLIS | 3 KRT |
| PAHANG | 12 KRT |
| TERENGGANU | 8 KRT |
| NEGERI SEMBILAN | 7 KRT |
| JOHOR | 13 KRT |
| MELAKA | 6 KRT |
| PULAU PINANG | 6 KRT |
| SABAH | 22 KRT |
| W.P. KUALA LUMPUR | 6 KRT |
| W.P. PUTRAJAYA | 2 KRT |
| SARAWAK | 14 KRT |
| W.P. LABUAN | 1 KRT |



# 8 BIDANG TUMPUAN KOMUNITI PROGRESIF




## PERUNTUKAN RM20 JUTA

RTPROGRESIF

RUKUN TETANGGA PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF

**RM5,262,950.00**
EKONOMI DAN SARA HIDUP

**RM3,070,000.00**
AKTIVITI BIDANG ELEKTIF

**RM4,852,132.00**
KESELAMATAN DAN KETAHANAN KOMUNITI

**RM2,003,726.00**
PROGRAM PEMERKASAAN RT

**RM3,528,000.00**
LATIHAN DAN BIMBINGAN

**RM1,283,192.00**
TADBIR URUS


















# PRODUK RT PROGRESIF

**KRT PERUMAHAN SERI KOTA**

MARUKU MELETOP

**KRT BUKIT NIBONG**

KERISIK KELAPA BUATAN TRADISIONAL

**KRT TAMAN DESA JATI**

ANEKA SABUN SERBAGUNA

**KRT SEKSYEN 2 BANDAR PUNCAK ALAM**

BEG EKSLUSIF
(BEG SULAM BENANG & BEG KAIT)

**KRT PERUMAHAN AWAM SERI PERLIS II**

COKLAT BUATAN TANGAN

BUNGA TELANG KERING

BISKUT KELAPA DOLU DOLU

**KRT SALAK SELATAN TAPAK PERKHIDMATAN BT 4 ½**

SOS CILI WARISAN

# 59,601 AKTIVITI KRT

**EKONOMI DAN SARA HIDUP**
**663 AKTIVITI**

**KESELAMATAN DAN KETAHANAN KOMUNITI**
**4,099 AKTIVITI**

**KEPIMPINAN**
**1,783 AKTIVITI**

**KESEJAHTERAAN KOMUNITI**
**44,655 AKTIVITI**

**PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**
**1,819 AKTIVITI**

**ALAM SEKITAR**
**3,351 AKTIVITI**

**WARISAN DAN BUDAYA**
**1,257 AKTIVITI**

**DAYA CIPTA**
**1,974 AKTIVITI**





# KARNIVAL EKONOMI KOMUNITI RUKUN TETANGGA

Karnival Ekonomi adalah salah satu aktiviti di bawah bidang tumpuan Ekonomi dan Sara Hidup untuk membangunkan komuniti progresif ke arah memperkasakan kualiti dan kesejahteraan hidup mereka.

**UTARA**

9 - 12 MEI 2024



**SELATAN DAN TENGAH**

22-26 MEI 2024



**SARAWAK**

20 - 22 MEI 2024



**TIMUR**

18-20 OKTOBER 2024





# PENUBUHAN KRT BAHARU

**8,438 › 8,529**

**91 KRT BAHARU**
**DITUBUHKAN BAGI TAHUN 2024**



# SKIM RONDAAN SUKARELA

Skim Rondaan Sukarela (SRS) merupakan skim dalam Rukun Tetangga yang dianggotai oleh sekurang-kurangnya 20 orang yang berumur 18 tahun ke atas secara sukarela. SRS berperanan untuk memastikan komuniti setempat sentiasa selamat dan sejahtera daripada aktiviti jenayah dan masalah sosial melalui aktiviti rondaan dan pencegahan jenayah oleh anggota SRS.

**RM1,192,882.00**
**PERUNTUKAN SRS TAHUN 2024**

**RM479,882.00**
**PERALATAN RONDAAN DAN KAWALAN UNTUK SRS BAHARU**

**RM345,000.00**
**KURSUS PEMANTAPAN SRS**

**RM368,000.00**
**PROGRAM KESELAMATAN DAN KETAHANAN KOMUNITI: JOM RONDA BERSEPADU SRS DAN KEMPEN 1 KELUARGA 1 ANGGOTA SRS**





# PENUBUHAN SRS BAHARU 2024: 49 SRS SELURUH NEGARA





5 KRT


1 KRT


1 KRT


3 KRT


4 KRT


1 KRT


4 KRT


9 KRT


8 KRT


1 KRT


9 KRT


3 KRT

# SKUAD UNITI

Skuad Uniti digerakkan melalui pengukuhan jentera rukun tetangga dengan menggunakan mekanisme RT dalam pembentukan pasukan bantu mula berkaitan situasi kecemasan dan kritikal untuk membantu komuniti menyelaras dan mempercepatkan proses penyaluran maklumat dan perkhidmatan Kerajaan akar umbi.

| GERAK KERJA PENGURUSAN BENCANA | ANTARA KRT TERLIBAT |
|---|---|
| **RT CARES - ZIARAH PERPADUAN**<br>59 KRT terlibat | ■ KRT DANGI, KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN<br>■ KRT BATU HAMPAR, MELAKA TENGAH, MELAKA |
| **RT CARES - BAKUL RAHMAH**<br>67 KRT terlibat | ■ KRT KG BARU PASIR PEKAN, TUMPAT, KELANTAN<br>■ KRT KG PIA, RAUB, PAHANG |
| **DAPUR KOMUNITI**<br>36 KRT terlibat | ■ KRT KG KAYU KELAT, BESUT, TERENGGANU<br>■ KRT BENDANG RAJA, PENDANG, KEDAH |
| **PEMBERSIHAN LOKASI TERJEJAS BENCANA**<br>67 KRT terlibat | ■ KRT TAMAN MERU INDAH, KLANG, SELANGOR<br>■ KRT KG BUKIT CHATAK, DUNGUN, TERENGGANU |





# KOMPLEKS PERPADUAN MACHANG

Kompleks Perpaduan Machang telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara pada 4 Februari 2024 dan telah mencatat sejarah apabila menjadi kompleks perpaduan pertama di Malaysia.



Kompleks ini dilengkapi dengan ruang pejabat, bilik seminar, bilik mesyuarat, bilik perbincangan, bilik mediasi, dewan serbaguna, tabika perpaduan dan ruang-ruang lain.



# PROGRAM CILIK PERPADUAN

Bagi tahun ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah diperuntukkan sebanyak RM31,828,368.20 untuk memberi kemudahan kepada semua murid Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan dan pelbagai kemudahan yang disediakan.

**RM31,828,368.20**
**JUMLAH PERUNTUKAN**

**RM2,570,497.00**
Pembelian ***Starter Kit*** di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan

**RM559,895.00**
Pembelian Buku Aktiviti Murid Tabika Perpaduan

**RM20,200.00**
Pembelian Buku Log Harian Taska Perpaduan

**RM24,768,376.20**
Bantuan Makanan Tambahan kepada semua murid Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan

**RM3,539,400.00**
Geran Per Kapita kepada semua murid Tabika Perpaduan

**RM370,000.00**
Perlindungan Insurans Kemalangan Diri Berkelompok bagi Murid Tabika Perpaduan & Kanak-Kanak Taska Perpaduan









# KONVENSYEN MEDIASI KOMUNITI 2024

Konvensyen Mediasi Komuniti telah diadakan pada 24 Februari 2024 di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur untuk memberi penghargaan, pengiktirafan dan tambah nilai dari segi ilmu dan pengetahuan kepada barisan Mediator Komuniti yang sedang berkhidmat sebagai pendamai masyarakat di peringkat komuniti.

## 571 ORANG MEDIATOR KOMUNITI (MK)

| | | | |
|---|---|---|---|
| KELANTAN 21 MK | SELANGOR 94 MK | KEDAH 20 MK | PERAK 31 MK |
| TERENGGANU 17 MK | NEGERI SEMBILAN 32 MK | PAHANG 28 MK | PERLIS 13 MK |
| JOHOR 27 MK | MELAKA 21 MK | PULAU PINANG 56 MK | SABAH 72 MK |
| SARAWAK 60 MK | W.P. KUALA LUMPUR 42 MK | W.P. PUTRAJAYA 33 MK | W.P. LABUAN 4 MK |







# PUSAT MEDIASI KOMUNITI

Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Pusat Mediasi Komuniti atau *Community Mediation Centre*(CMC). Penubuhan CMC ini adalah bertujuan sebagai platform untuk membantu masyarakat bagi menyelesaikan pertikaian atau konflik yang berlaku tanpa melalui proses litigasi (mahkamah), lebih cepat dan mudah diakses.

**PADA TAHUN 2024**

**4 PUSAT MEDIASI KOMUNITI**

- PERLIS
- W.P. PUTRAJAYA
- MELAKA
- NEGERI SEMBILAN

## 111 KES MEDIASI SELESAI

*JANUARI HINGGA OKTOBER 2024*

| | |
|---|---|
| 7 | ALAM SEKITAR |
| 1 | HARTA |
| 11 | HUBUNGAN KEKELUARGAAN |
| 77 | KEJIRANAN |
| 2 | KEPENGGUNAAN |
| 4 | PEMBINAAN DAN KEJURUTERAAN |
| 9 | PERJANJIAN DAN KONTRAK |






# PERANAN MEDIATOR

### MEMBINA HUBUNGAN HARMONI
Mediator komuniti berusaha untuk membina hubungan yang positif dan harmoni antara pihak yang berkonflik. Mereka menggalakkan sikap saling menghormati dan memahami

### PEMUDAHCARA KOMUNIKASI
Mediator komuniti bertindak sebagai fasilitator dalam komunikasi antara pihak yang berkonflik. Mereka membantu pihak-pihak dalam menyatakan pandangan dan keperluan mereka dengan jelas dan berkesan

### MEMBANGUNKAN PENYELESAIAN
Mediator komuniti membantu pihak-pihak berkonflik dalam mencipta penyelesaian yang adil dan berdaya maju. Mereka memastikan bahawa semua pihak bersetuju dengan hasil mediasi

# KERJASAMA MEDIATOR

POLIS DIRAJA MALAYSIA

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH

# SEGMEN 3
# PENGHAYATAN RUKUN NEGARA



# LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA DI PARLIMEN MALAYSIA

Buat julung kalinya, Lafaz Ikrar Rukun Negara secara penuh bermula daripada mukadimah dilafazkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada Februari 2024. Lafaz Ikrar Rukun Negara ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk menghidupkan semula penghayatan Rukun Negara dalam kehidupan seharian.









# GERAN
# SEKRETARIAT RUKUN NEGARA (SRN)

Dalam usaha menyemarakkan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah mengumumkan geran khas aktiviti Sekretariat Rukun Negara (SRN) yang berjumlah RM3,000.00 kepada semua SRN yang berdaftar bagi meluaskan pelaksanaan program Eksplorasi Rukun Negara di peringkat SRN.

**RM567,000.00 TELAH DIPERUNTUKKAN BAGI 189 SRN**




| | | |
|---|---|---|
| **30** INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM | **28** POLITEKNIK | **36** INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA |
| **17** KOLEJ MATRIKULASI | **51** KOLEJ KOMUNITI | **27** INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM) |

# PROGRAM JALINAN INTEGRASI NASIONAL MAHASISWA

Kementerian melalui Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional telah melaksanakan sebanyak dua (2) program Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa bagi mengukuhkan integrasi nasional melalui perkongsian kepelbagaian budaya dan cara hidup rakyat Malaysia.

**PROGRAM JALINAN INTEGRASI NASIONAL MAHASISWA NEGERI SABAH**

22 hingga 26 Ogos 2024

MB Hotel, Tawau dan Kawasan Rukun Tetangga Kg Bugaya, Semporna, Sabah

- Penyertaan : **80 orang mahasiswa**

**PROGRAM JALINAN INTEGRASI NASIONAL MAHASISWA NEGERI KELANTAN**

3 hingga 8 November 2024

Kesedar Inn dan Perkampungan Orang Asli Pos Tuel, Gua Musang, Kelantan

- Penyertaan : **79 orang mahasiswa**





# DEBAT PERPADUAN PIALA MENTERI PERPADUAN NEGARA

Pertandingan Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara dengan tema "Menjiwai Rukun Negara" dilaksanakan untuk meningkatkan pemahaman dan penghayatan terhadap nilai-nilai Rukun Negara dalam kalangan generasi muda.











**200 PEMBAHAS = 50 PASUKAN**

**JOHAN :**
**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)**

**NAIB JOHAN :**
**UNIVERSITI MALAYA (UM)**

# KEM PERPADUAN ANAK MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN

Penganjuran Kem Perpaduan Anak Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 ini bertemakan "Menjiwai Rukun Negara" yang berteraskan konsep membudayakan perpaduan, meraikan kepelbagaian seiring dengan objektif meningkatkan semangat patriotisme serta mengukuhkan perpaduan dalam kalangan pelajar.

**25 - 29 September 2024**
**Centre for Technology Excellence (Centex), Kuching, Sarawak**

**120**
**PENYERTAAN**

**CINA = 13**

**MELAYU = 14**

**INDIA = 14**

**ETNIK SABAH, SARAWAK, SIAM, BABA NONYA, PORTUGIS, ORANG ASLI DAN SIKH = 79**









# PERTANDINGAN MELUKIS MURAL RUKUN NEGARA

Pertandingan Melukis Mural Rukun Negara Peringkat Wilayah Persekutuan 2024 dan Pelancaran Arkib@Sekolah merupakan program di bawah *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI: Eksplorasi Rukun Negara.

Sebanyak 15 buah sekolah menengah telah layak ke peringkat akhir pertandingan ini melibatkan sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

**83,711 PESERTA**



# PROGRAM KENALI BUDAYA KITA 2024

Program Kenali Budaya Kita Tahun 2024 berkonsepkan program integrasi sosial dengan melibatkan para murid pelbagai sekolah iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Kebangsaan (Asli), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).

**96 PROGRAM TELAH DILAKSANAKAN**









# DISKUSI PERPADUAN: CHIT CHAT BELIA TAHUN 2024

Tema Diskusi Perpaduan:Chit Chat Belia Tahun 2024 ialah “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”. Tema ini dipilih untuk meraikan kemajmukan etnik, kepelbagaian agama serta kekayaan budaya dan tradisi.

Pada tahun 2024, program ini melibatkan 16 negeri di seluruh negara dengan tujuan untuk memastikan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sentiasa aktif dalam usaha memperkukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan pelajar dan mahasiswa yang merupakan pemimpin masa hadapan negara.

**16**

**PROGRAM DILAKSANAKAN**

**7,242**

**PENYERTAAN**

# SEGMEN 4
# PENYUBURAN TERHADAP WARISAN BUDAYA (JABATAN MUZIUM MALAYSIA)



# STATISTIK PENGUNJUNG KE MUZIUM-MUZIUM DI BAWAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA

1. Muzium Negara
2. Muzium Etnologi Dunia Melayu
3. Muzium Seni Kraf Orang Asli
4. Muzium Automobil Nasional
5. Muzium Labuan
6. Muzium Marin Labuan
7. Muzium Chimney
8. Muzium Arkeologi Lembah Bujang
9. Muzium Kota Kuala Kedah
10. Muzium Kota Kayang
11. Muzium Perak
12. Muzium Matang
13. Muzium Sungai Lembing
14. Muzium Lukut
15. Muzium Seni Bina Malaysia
16. Muzium Kota Johor Lama
17. Muzium Adat
18. Muzium Tekstil Negara
19. Muzium Muzik
20. Galeria Perdana
21. Muzium Diraja
22. Muzium Alam Semulajadi

## STATISTIK PELAWAT DARI 1 JANUARI HINGGA 30 NOVEMBER

**2023**

**1,740,054**

**2024**

**2,379,854**

**639,800**

# PEWARTAAN MUZIUM LABUAN SEBAGAI TAPAK WARISAN NEGARA

Muzium Labuan dibuka secara rasmi kepada umum pada 8 Oktober 2004 dan telah mempamerkan sebanyak 707 koleksi yang terdiri daripada artifak sejarah dan etnologi.



WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

10 Oktober 2024
*10 October 2024*
P.U. (B) 412

NOTIS PENETAPAN TAPAK SEBAGAI TAPAK WARISAN

*NOTICE OF DESIGNATION OF SITE AS HERITAGE SITE*

AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005

NOTIS PENETAPAN TAPAK SEBAGAI TAPAK WARISAN

BAHAWASANYA melalui Notis Tentang Niat untuk Menetapkan Tapak sebagai Tapak Warisan, notis telah diberikan kepada pemunya yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual bagi tapak yang diperihalkan dalam ruang (2) dan (3) tentang niat Pesuruhjaya untuk menetapkan tapak itu sebagai tapak warisan di bawah perenggan 27(2)*(a)* Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*] sebagaimana yang disiarkan dalam *Warta* yang diperihalkan dalam ruang (4) dan dalam akhbar Harian Metro dan New Straits Times pada tarikh yang dinyatakan dalam ruang (5):

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan diterima oleh Pesuruhjaya terhadap penetapan itu:

DAN BAHAWASANYA keizinan Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 30 Akta telah diperoleh oleh Pesuruhjaya bagi penetapan itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 31(2)*(a)* Akta, Pesuruhjaya telah menetapkan tapak itu sebagai tapak warisan.

Koleksi artifak menarik yang terdapat di Muzium Labuan ialah artifak batu atau *stone quern* zaman neolitik yang ditemui di Pulau Burong. Begitu juga koleksi persenjataan perang dunia seperti senjata pemusnah kapal selam yang dikenali sebagai *depth charge* dan *anti submarine projectile* (ASP).

Koleksi etnologi yang memaparkan alat-alat perekonomian, alatan muzik, senjata dan alat perburuan, pakaian dan peralatan ritual yang digunakan oleh pelbagai kaum di WP Labuan.

Muzium Labuan diwartakan sebagai Tapak Warisan oleh Jabatan Warisan Negara pada 5 Mac 2024 melalui Pewartaan Kerajaan Persekutuan bertarikh 10 Oktober 2024.





# PROGRAM CITRA NUSA@MUZIUM

Program Citra Nusa@Muzium ini dirangka khusus bagi menyuburkan dan menyemarak nilai-nilai perpaduan dan semangat patriotisme menerusi penghayatan terhadap warisan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara. Selain itu, program ini juga dapat menyuburkan semula minat masyarakat terhadap warisan bersifat *tangible* (ketara) dan *intangible* (tidak ketara) khususnya dalam kalangan generasi muda menerusi pendekatan *rejuvanate* muzium (meremajakan muzium) melalui seni dan teknologi.

**CITRA NUSA@MELAKA**
*17 - 21 FEBRUARI 2024*

**FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN**
*13 - 22 MEI 2024*

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA SEJARAH KEDAH TUA BERDASARKAN CATATAN YI JING**
*11 - 13 JULAI 2024*

**CITRA NUSA@MAGIS BELANTARA**
*10 - 11 OGOS 2024*

**MUZIUM UNITI TRAIL**
*10 OGOS 2024*

**CITRA NUSA@INDONESIA: KITA SERUMPUN**
*1 - 31 OGOS 2024*

**PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM PERDANA**
*30 - 31 OGOS 2024*

**CITRA NUSA@MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG**
*1 - 3 NOVEMBER 2024*

**PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM BELIA**
*15 - 16 NOVEMBER 2024*

**CITRA NUSA@MUZIUM : NOSTALGIA ANAK KAMPUNG “DUNIA ANAK BENDANG”**
*15 - 17 NOVEMBER 2024*



# SEMARAK @ MUZIUM

Program ini bertujuan untuk mengukuhkan ikatan muhibah dan perpaduan dalam kalangan masyarakat menerusi aktiviti kebudayaan, kesenian, kenegaraan dan kesukarelawanan dengan menjadikan muzium sebagai tapak integrasi.

***Semarak @ Muzium Lukut***
***24 - 25 Februari 2024***

***Semarak @ Muzium Labuan***
***2 - 3 Mac 2024***

***Semarak @ Muzium Perak***
***13 – 14 Julai 2024***

***Semarak @ Muzium Matang***
***14 – 15 September 2024***

***Semarak @ Muzium Sungai Lembing***
***28 - 29 September 2024***

***Semarak @ Muzium Automobil Nasional***
***10 – 11 Ogos 2024***

***Semarak @ Muzium Kota Kuala Kedah***
***25 - 26 Oktober 2024***









# PAMERAN KHAS

Kementerian melalui Jabatan Muzium Malaysia turut mengadakan pelbagai pameran khas bagi menjadikan muzium sebagai platform integrasi kaum, sesuai dengan fungsinya sebagai *custodian of heritage* yang mengumpul, memelihara serta melestarikan koleksi warisan sejarah, seni dan disertai budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini.

# PAMERAN NINGYO

## 7 MEI 2024 - 8 JULAI 2024

Pameran ini memaparkan 67 anak patung Jepun yang memberikan pengenalan yang menyeluruh kepada budaya anak patung Jepun daripada Katashiro dan Amagatsu yang dianggap sebagai arketaip anak patung di Jepun.






# PAMERAN RAJA KITA
## 26 JULAI – 29 SEPTEMBER 2024

Pameran Raja Kita mempamerkan sebanyak 272 koleksi berkaitan regalia diraja, manuskrip dan koleksi peribadi Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Elemen utama yang diketengahkan dalam pameran ini ialah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 yang ditandatangani dan diisytiharkan oleh Sultan Abu Bakar pada 14 September 1895 di Istana Besar Johor.

Turut dipamerkan koleksi istimewa Mahkota Kerajaan dan Mahkota Permaisuri yang pernah digunakan semasa upacara kemahkotaan baginda Sultan Ibrahim pada tahun 2015.

# PAMERAN PESONA TELEPUK SENI PERADA EMAS

## 28 OKTOBER - 31 DISEMBER 2024

Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas ini merupakan pameran sementara di Muzium Tekstil Negara yang mempamerkan secara eksklusif sebanyak 49 koleksi tekstil telepuk dan 130 koleksi sarang telepuk atau cap telepuk.

Koleksi-koleksi telepuk *masterpiece* milik kerabat diraja turut dipersembahkan untuk tontonan umum antaranya ialah koleksi baju sikap, kain setangan dan kain sarung.



# INISIATIF PENDIGITALAN DAN TEKNOLOGI

Dalam era digital, pelbagai inisiatif pendigitalan telah dijalankan di muzium untuk memperkayakan pengalaman pelawat dan memperkukuhkan pemeliharaan warisan dan bertujuan meningkatkan aksesibiliti, interaktif dan kualiti maklumat. Antara inisiatif pendigitalan yang dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia pada tahun 2024 adalah:



Pengimejan 3D koleksi dan spesimen (3D Scanning)



Penghasilan replika melalui teknik percetakan 3D (3D Printing)



Eksplorasi 360° pameran di muzium-muzium terpilih



Panduan audio di Muzium Negara



Penggunaan drone dalam pembangunan kandungan digital di Muzium




Implementasi teknologi *Internet of Things* (IoT) di repositori utama Jabatan bagi pemantauan suhu, kelembapan dan pencahayaan

# SEGMEN 4
# PENYUBURAN TERHADAP WARISAN BUDAYA (ARKIB NEGARA MALAYSIA)



# BICARA BAHASA KOLOKIAL

Program ini dilaksanakan bagi mendokumentasikan dan memelihara kekayaan bahasa kolokial di Malaysia. Pelbagai tema dan topik perbincangan telah diketengahkan bagi menggambarkan ciri unik dan keistimewaan bahasa kolokial dan dialek masyarakat setempat yang ada di Malaysia.

Bicara Bahasa Kolokial:Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti 2024 telah diadakan dengan sejumlah 6 siri pelaksanaannya.

***5 MAC 2024***
***DI NEGERI KELANTAN***
***"Cakno Loghat Kelate"***

***6 JUN 2024***
***DI NEGERI SELANGOR***
***"Merentasi Khazanah Dialek Selangor"***

***25 JUN 2024***
***DI NEGERI TERENGGANU***
***"Maghi Ccakak Base Tranung Kite"***

***15 JULAI 2024***
***DI NEGERI SEMBILAN***
***"Moh Bughak Bahaso Nogori"***

***8 OGOS 2024***
***DI NEGERI JOHOR***
***"Meh Borak Loghat Johor"***

***1 OKTOBER 2024***
***DI NEGERI MELAKA***
***"Meh Le Belajau Loghat Melaka"***





**18,997**
**Peserta**





# KONVENSYEN KEBANGSAAN BAHASA KOLOKIAL

Konvensyen Kebangsaan Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti dianjurkan di peringkat kebangsaan pada 6-7 November 2024 sebagai kemuncak kepada usaha untuk mengumpulkan dan mendokumentasikan maklumat berkenaan bahasa kolokial yang telah dijalankan di 11 buah negeri di Malaysia.

Menghimpunkan seramai 25 orang pakar bahasa, ahli akademik, tokoh budaya serta penggiat seni dan budaya seluruh negara.

## RESOLUSI

1.Peranan bahasa kolokial dan dialek sebagai pelengkap kepada korpus bahasa hendaklah menjadi alat perpaduan nasional.

2.Kajian dan pendokumentasian bahasa kolokial dan dialek diperluas di semua negeri dengan melibatkan semua bangsa, etnik dan suku kaum di Malaysia.

3.Kementerian Perpaduan Negara (KPN) hendaklah menyediakan geran/dana khas kajian bahasa dan budaya kolokial kepada penyelidik dan pihak-pihak yang berminat.

4.Bahasa kolokial dan dialek harus disokong penggunaannya dalam karya-karya kreatif seperti teater, drama, novel, puisi dan sebagainya supaya dapat menggambarkan situasi kehidupan sebenar.

5.Pendidikan bahasa kolokial dan dialek perlu disisipkan sebagai sebahagian daripada mata pelajaran di sekolah demi mendedahkan para pelajar dengan kepelbagaian varian bahasa.

6.Usaha pendigitalan teks lama, rakaman suara dan dokumen penting dalam bahasa kolokial dan dialek perlu dilaksanakan supaya mudah diakses oleh masyarakat.

7.Bahasa kolokial dan dialek dipromosikan dengan giat dalam media massa, penerbitan dan platform media sosial untuk mengelakkan kepupusan.

# PROGRAM MENGENANG JASA NEGARAWAN

## PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN YANG TERAMAT MULIA TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ “NEGARAWAN SEJUTA JASA”

**2,050**
**Peserta**

Program ini telah diadakan di Piazza, Pavilion Bukit Jalil pada 5 Ogos 2024 dan telah disempurnakan oleh YAB Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri mewakili YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.



## PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN TUN DATUK PATINGGI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG “NEGARAWAN TERBILANG”

**13,087**
**Peserta**




Program ini telah diadakan dengan jayanya pada 9 September di Dayak Cultural Foundation Kuching, Sarawak. Program ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Douglas Unggah Embas, Timbalan Premier Sarawak mewakili YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak.

# SEMINAR ANTARABANGSA DIGITAL RECORDS AND LEGAL ADMISSIBILITY 2024

Seminar Antarabangsa Digital Records and Legal Admissibility 2024 dilaksanakan sempena Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2024 dan bertemakan #CyberArchives.

Seminar Antarabangsa ini dianjurkan selama 2 hari melibatkan pembentang dan peserta dari dalam dan luar negara. Perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara pada 10 Julai 2024 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya.

Program ini telah memberi maklumat baharu serta membantu peserta memahami dengan lebih baik berhubung pengurusan rekod digital, fungsi dan peranan Arkib Negara serta kepentingan dalam pembuktian perundangan.









# KONVENSYEN SEJARAH DAN PERPADUAN NASIONAL

**Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional (KSPN) 2024 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri pada 19 September 2024. Tema Konvensyen adalah Menelusuri Sejarah: Membina Perpaduan Negara Bangsa.**





**PENYERTAAN SERAMAI 6,438 PESERTA**

## RESOLUSI

1.Mewujudkan Majlis Sejarawan Negara (MSjN) yang dianggotai para sejarawan yang berfungsi menjadi badan autoritatif paling unggul untuk menentukan bahawa sejarah negara ini mesti ditulis berdasarkan fakta yang mengenepikan sebarang perbezaan.

2.Kerajaan hendaklah menyediakan suatu peruntukan yang berterusan kepada Arkib Negara untuk meneruskan usaha membawa pulang bahan sejarah dari luar negara. Pihak swasta, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) digalakkan untuk turut menyumbang ke arah usaha ini.

3.Kerajaan disaran mempergiatkan lagi usaha penghayatan dan pengamalan Rukun Negara di semua peringkat usia bagi memupuk perpaduan tanpa mengira latar belakang agama dan etnik.

4.Peranan Arkib Negara diperkasa melalui pelaksanaan program dan aktiviti secara berkala mengikut wilayah di seluruh negara untuk memberi kefahaman sejarah kepada masyarakat.

5.Konsep Sekolah Wawasan perlu diperkenalkan semula untuk memperkukuhkan perpaduan rakyat.

6.Kerajaan disaran memperkasakan sukatan mata pelajaran sejarah meliputi Sabah dan Sarawak bagi menambah kefahaman dan pengetahuan rakyat mengenai sejarah Sabah dan Sarawak.

7.Subjek silang budaya (kajian perbandingan) mula diajar di peringkat sekolah menengah hingga peringkat pengajian tinggi untuk melahirkan masyarakat yang memahami kepelbagaian dan perbezaan yang wujud antara kaum di Malaysia.

8.Kerajaan disaran melaksanakan pembangunan yang seimbang antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia bagi mewujudkan peluang ekonomi sama rata dan memperkasa hubungan erat antara Kerajaan Persekutuan dengan negeri Sabah dan Sarawak.

9.Jabatan Pendaftaran Pertubuhan perlu menghadkan kemunculan parti politik yang berasaskan agama dan etnik untuk mengekang politik ekstrem.

10.Kerajaan perlu memperkenalkan kod etika wakil rakyat agar pemimpin lebih berintegriti dan bertanggungjawab.

# PROGRAM KHAS

### WACANA ILMU SEMPENA PERISTIWA PENGISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU & PELANCARAN BUKU KARTUNKU 1957-1963; LAKARAN EKSKLUSIF BAPA KEMERDEKAAN, BAPA MALAYSIA

Wacana Ilmu Sempena Peristiwa Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu & Pelancaran Buku KarTunku 1957 - 1963; Lakaran Eksklusif Bapa Kemerdekaan, Bapa Malaysia telah diadakan dengan jayanya di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka pada 20 Februari 2024.



**6,198 PESERTA**

### SAMBUTAN MINGGU ARKIB ANTARABANGSA 2024



Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2024 yang diadakan pada 7 Jun hingga 11 Julai 2024 adalah manifestasi usaha untuk memelihara dan melestarikan bahan arkib sebagai khazanah negara dalam memupuk integrasi nasional.

Program ini melibatkan seramai 9,217 peserta secara fizikal dan maya.

**9,217 PESERTA**









# PROGRAM KHAS

## SURAT-MENYURAT SULTAN ABDUL HAMID (1882 - 1943)

Seminar Pengiktirafan Warisan Dunia: Koleksi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid (1882 - 1943) telah diadakan dengan jayanya di Raia Hotel & Convention Centre Alor Setar, Kedah pada 27 Ogos 2024. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Koleksi Surat-menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah (SMSAH) telah didaftarkan sebagai Warisan Dunia atau *Memory of The World International Register* pada 4 September 2001 oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

**3,734 PESERTA**

# PROGRAM KHAS

## PROGRAM SAMBUTAN ANAK MERDEKA 31 OGOS 2024

Arkib Negara Malaysia (ANM) dengan kerjasama Persatuan Warisan Anak Merdeka Kuala Lumpur & Selangor telah mengadakan Program Sambutan Anak Merdeka 31 Ogos 2024 bersempena dengan ulang tahun Sambutan Kemerdekaan Ke-67 tahun. Antara pengisian program ini termasuklah lawatan berpandu ke Memorial Tun Hussein Onn dan Memorial Negarawan serta pertandingan mewarna.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Memorial Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 2024 sebagai simbolik meraikan sambutan Hari Kemerdekaan dan hari ulang tahun kelahiran anak-anak merdeka yang lahir pada 31 Ogos.






# PROGRAM KHAS

### MAJLIS PENGKISAHAN SEJARAH LEBUHRAYA TIMUR BARAT

Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Majlis Pengkisahan Sejarah Lebuhraya Timur Barat pada 22 Ogos 2024 di Dewan Serbaguna Gerik, Perak.

Sejarah Lebuhraya Timur Barat (LRTB) melibatkan pembinaan jalan raya berturap dua hala sepanjang 116 kilometer (72 batu) yang menyambungkan Pekan Jeli di Kelantan dengan Kampung Kuala Rui, Gerik di Perak.

**3,141 PESERTA**

# MINGGU KENANGAN P.RAMLEE: "AKU, DIA DAN LAGU"

### DI PULAU PINANG BERMULA 7 HINGGA 12 MEI 2024

Pengiktirafan yang diterima Allahyarham Tan Sri P.Ramlee sebagai satu-satunya Seniman Agung Negara dan bakat yang dimilikinya telah diakui di peringkat antarabangsa dan sebagai apresiasi terhadap sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan, Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Minggu Kenangan P.Ramlee dengan bertemakan "Aku, Dia dan Lagu".

Antara pengisian program Minggu Kenangan P.Ramlee: "Aku, Dia dan Lagu" adalah seperti berikut:

1) Lawatan Berpandu ke Rumah Kelahiran Tan Sri P.Ramlee, Pulau Pinang

2) Seminar Pemikiran P.Ramlee: "Sepanjang Riwayatku"

3) Majlis "Malam Bulan di Pagar Bintang"

4) Festival P. Ramlee "Tanya Sama Hati"

5) Ceramah Perdana: "Tiada Kata Secantik Bahasa"

6) Larian "Uda dan Dara": Larian Bertema (5KM) dan Larian Terbuka (10KM)

**49,447 PESERTA**









# SEGMEN 4
# PENYUBURAN TERHADAP WARISAN BUDAYA (PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA)



# KELULUSAN BAJET MYWIN

Pusat Kebangsaan Warisan Intelek Negara (MyWIN) ini berperanan untuk memelihara dan memulihara khazanah intelek negara yang diserahkan di bawah Akta 331 dan menjadi pusat rujukan kebangsaan penyelidik di dalam dan luar negara. Projek ini juga bertujuan mewujudkan bangunan khas milik Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat penyimpanan dan rujukan untuk generasi akan datang.

Projek yang dijangka siap pada tahun 2028 merupakan projek yang telah diluluskan oleh Kementerian Ekonomi.

**RM62,915,000.00**

**JUMLAH KOS SALAH SATU PROJEK RP4 RMKe-12 TAHUN 2024**



Lokasi projek adalah di Lot 37312, Mukim Petaling, Kuala Lumpur dengan keluasan tapak 3.1 ekar dan merupakan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

# KARNIVAL BACA PERDANA 2024

Karnival Baca Perdana 2024 (KBP 2024) merupakan program yang julung kalinya diadakan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Tema KBP 2024 adalah Perpaduan Melalui Pembacaan yang berlangsung selama sebulan pada sepanjang bulan Oktober 2024.

- **BICARA INTELEKTUAL 2024 : DEMI MASA DEPAN KITA BERSAMA**
- **SESI BIMBINGAN TEKNIK PENULISAN DAN PENYAMPAIAN PUISI PERPADUAN**
- **BENGKEL BAHASA MELAYU UNTUK EKSPATRIAT**
- **MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KARNIVAL BACA PERDANA 2024**
- **BENGKEL HACKATHON BINA PERISIAN PEMBELAJARAN**
- **EKSPLORASI DIGITAL@U-PUSTAKA : LATIHAN PANGKALAN DATA ZON SARAWAK**
- **SESI BACAAN KEGEMARAN SAYA**
- **PROGRAM SEHARI BERSAMA OKU PENGLIHATAN**
- **PODCAST BORAK PUSTAKAWAN : MEMOIRS DARI RAK – CERITA PUSTAKAWAN**
- **MAJLIS PELANCARAN DOKUMENTARI KHAS PROGRAM KALAM KARYAWAN 2024**
- **MINGGU LITERASI MAKLUMAT**
- **EKSPLORASI DIGITAL@U-PUSTAKA : LATIHAN PANGKALAN ODILO**
- **SINGGAH SANTAI@PNM 2024 #RelakslahDulu**
- **CERITAKU@SEKOLAH**
- **SESI BOOKTUBERS & BOOKSTAGRAMMERS: BICARA PENULISAN BUKU MELALUI MEDIA SOSIAL (SEMPENA PROGRAM KARNIVAL BACA PERDANA 2024)**



- **FORUM MEMBACA PERDANA: SIMFONI PERPADUAN MELALUI PEMBACAAN (SEMPENA PROGRAM KARNIVAL BACA PERDANA 2024)**
- **SESI LENSA SASTERA: IDEA TULAR PENULISAN POPULAR (SEMPENA PROGRAM KARNIVAL BACA PERDANA 2024)**
- **SI CILIK CERDAS JAWI**





# PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Perpustakaan Negara Malaysia selaku urus setia Gerakan Membaca Kebangsaan telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program berkaitan pembacaan dan keilmuan di seluruh negara.

Program Galakan Membaca menyokong matlamat Dasar Buku Negara iaitu memastikan rakyat Malaysia mempunyai minat membaca yang tinggi dan menggunakan bahan bacaan yang berkualiti.

**JANUARI HINGGA NOVEMBER 2024**

**48,686** **PROGRAM** = **11,549,708** **PENYERTAAN**

# PERSIDANGAN ANTARABANGSA MANUSKRIP MELAYU (PAMM) 2024

PAMM 2024 telah diadakan pada 24 - 25 September 2024 bertempat di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dan ini merupakan penganjuran PAMM kali ke-7. Tema PAMM 2024 ialah “Kitab Tib: 1001 Rahsia Ilmu Perubatan Tradisional”.

***e-Bibliografi Beranotasi Manuskrip Melayu Kitab Tib: Khazanah Kebitaraan Warisan Bangsa*** telah diterbitkan secara dalam talian sempena PAMM 2024 dalam bentuk *flipbook* dan memuatkan 112 deskripsi manuskrip Melayu kitab tib yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.



# PEROLEHAN MANUSKRIP MELAYU BAHARU 2024

Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu telah membuat perolehan koleksi baharu manuskrip Melayu pada tahun 2024.

**84** **NASKHAH MANUSKRIP MELAYU**

| KEAGAMAAN | ILMU TRADISIONAL MELAYU | KESUSASTERAAN | ILMU ASTRONOMI |
|---|---|---|---|
| 64 JUDUL | 16 JUDUL | 3 JUDUL | 1 JUDUL |

Antara naskhah manuskrip Melayu yang diperoleh pada tahun ini ialah ***Hikayat Tuan Puteri Johan Melikat, Petua Membina Rumah, Ilmu Faal, Kitab Usuluddin dan Dalail al-Khairat***. Terdapat juga dua (2) naskhah manuskrip Melayu koleksi Aminah binti Rahim, agamawan wanita yang dianggarkan disalin pada tahun 1319H dan merupakan naskhah yang sangat jarang ditemui.

**TAHUN 1985** » **TAHUN 2024**

PNM BERJAYA MENGUMPUL DAN MEMPEROLEH SEBANYAK

**5,336** **NASKHAH MANUSKRIP MELAYU**

# PROGRAM KEMBARA ILMU INI KHAZANAH KITA

Program Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita merupakan program khusus untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang khazanah negara melalui kepelbagaian budaya di negeri Sabah yang unik dan mempunyai nilai estetika.

Pelancaran Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita berlangsung pada 24 Ogos 2024 bertempat di Stesen Keretapi Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah, manakala Majlis Perasmian Penutup berlangsung di Pekarangan Perpustakaan Negeri Sabah.

Antara pengisian program adalah Pameran Digital dan telah menerima penganugerahan Malaysian Book of Records (MBOR) dengan tajuk *First Digital Library Exhibition Aboard A Train* sebagai program pameran digital pertama di dalam kereta api di Malaysia.





# PERKHIDMATAN u-PUSTAKA

Perkhidmatan u-Pustaka merupakan perkhidmatan perpustakaan digital yang dapat diakses oleh seluruh rakyat Malaysia melalui portal u-Pustaka di ***www.u-pustaka.gov.my.*** Statistik berikut menunjukkan pencapaian dan trend dalam penggunaan pangkalan data digital serta keahlian u-Pustaka pada tahun 2024.

## PANGKALAN DATA KOMERSIAL

- Sebanyak **18 pangkalan data komersial** telah dilanggan
- Jumlah kandungan digital adalah **893,608 judul**

## KEAHLIAN U-PUSTAKA

- **November 2023 : 664,681**
- **November 2024 : 794,780**
- Statistik menunjukkan peningkatan sebanyak **19.6%**

# SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024: PERPADUAN DIRAI, BAHASA DISANTUNI

Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni merupakan kesinambungan kepada program yang telah dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2023 iaitu Program Sanggar Puisi 2023: Rima Mengikat Sukma.

**1,783 PENYERTAAN**

*15 Mei hingga 5 November 2024*

**SAYEMBARA NOVEL PERPADUAN: PERPADUAN DIRAI, BAHASA DISANTUNI**
*15 Mei – 31 Ogos 2024*

**PERTANDINGAN PENULISAN SAJAK, SYAIR DAN PANTUN PERPADUAN**
*15 September - 15 Oktober 2024*

**SESI BIMBINGAN TEKNIK PENULISAN DAN PENYAMPAIAN PUISI PERPADUAN**
*2 Oktober 2024*

**KARNIVAL BAHASA MELAYU PERINGKAT KEBANGSAAN YANG MELIBATKAN PERTANDINGAN BERCERITA, DENDANGAN SYAIR DAN DEKLAMASI SAJAK**
*3-5 Oktober 2024*

**PAMERAN PUISI PERPADUAN**
*5 November 2024*






# PERPUSTAKAAN DESA

## 506 PERPUSTAKAAN DESA

**73 WILAYAH TIMUR**
• Kelantan • Terengganu

**92 WILAYAH TENGAH**
• Pahang • Perak • Selangor

**124 WILAYAH UTARA**
• Kedah • Pulau Pinang • Perlis

**125 WILAYAH SELATAN**
• Johor • Melaka • Negeri Sembilan

**92 WILAYAH BORNEO**
• Sabah • W.L Labuan • Sarawak

Antara program utama yang telah dilaksanakan:

**Majlis Perasmian Bangunan Baharu Perpustakaan Desa (PD) Kampung Kumbatang, Matunggong, Kudat, Sabah**
17 Februari 2024

**Program Semarak Raya Komuniti@PD Bandar Baru Samariang 2024**
13 April 2024

**Program Semarak Perpaduan #komunitiorangasli @PD Kampung Sungai Odak, Tapah, Perak**
4 - 5 Mei 2024

**Majlis Pelancaran Semarak Karung Ilmu (KAIL) @ Perpustakaan Pekan, Arau, Perlis**
7 Jun 2024

**Majlis Pelancaran Sudut Bacaan (Baca@ Kafe) Sempena Program Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Perlis 2024**
29 - 30 Jun 2024

**Program Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita**
24 Ogos 2024

**Program Santuni MADANI @PD Padang Tembak, Perak**
12 Oktober 2024

**Anugerah Perpustakaan Premier Sarawak Tahun 2024**
30 Oktober 2024





# SEGMEN 5
# MENINGKATKAN KEHARMONIAN ANTARA AGAMA



# MAJLIS PELANCARAN INISIATIF HARMONI MADANI TAHUN 2024

Majlis Pelancaran Inisiatif HARMONI MADANI telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara pada 27 April 2024 bertempat di Kalamandapan Hall, Brickfields.

Inisiatif ini dilancarkan dengan mengetengahkan konsep asas integrasi nasional iaitu Faham, Hormat, dan Terima.

- SAMBUTAN MINGGU KEHARMONIAN SEDUNIA
- JEJAK HARMONI
- WACANA HARMONI
- PODCAST BICARA HARMONI
- DOKUMENTARI HARMONI
- SAMBUTAN HARI TOLERANSI SEDUNIA
- DIALOG HARMONI





# JEJAK HARMONI PERDANA

Kementerian Perpaduan Negara telah menganjurkan program Jejak Harmoni Perdana bagi mengeratkan hubungan kebersamaan dan mewujudkan keharmonian antara penganut agama. Program ini bermula di Buddhist Maha Vihara, Tamil Methodist Church, Surau Madrasatul Gouthiyyah, Kuil Sri Krishna dan berakhir di Kuil Sri Kandaswamy.





# JEJAK HARMONI PERINGKAT NEGERI



# DIALOG HARMONI




Tema yang diangkat bagi Dialog Harmoni pada tahun ini adalah “Nilai-Nilai Murni Pemangkin Perpaduan Dan Keharmonian Masyarakat”.

**3 LOKASI PELAKSANAAN DIALOG HARMONI**

| PULAU PINANG | KUALA LUMPUR | SABAH |
| --- | --- | --- |
| 9 MAC 2024 | 29 JUN 2024 | 17 OGOS 2024 |









# WACANA HARMONI

Wacana Harmoni MADANI: "Harmoni Dalam Kepelbagaian" merupakan pendekatan wacana ilmu yang santai dan harmoni dalam meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam ke arah memperkukuhkan keharmonian negara.

Wacana Harmoni ini telah diadakan di Dewan Le Meridian, Kota Kinabalu pada 14 September 2024.

**600 ORANG**
**PENYERTAAN**

| SESI 1 | SESI 2 | SESI 3 | SESI 4 |
|---|---|---|---|
| Peranan Agama Dalam Negara Merdeka | Jalinan Kerjasama Menjana Keharmonian Beragama | Peranan Generasi Muda Mendepani Perubahan Global dari Perspektif Agama | Nilai-nilai Kecemerlangan, Dialog Bersama Ikon Belia |

# PODCAST BICARA HARMONI

Podcast Bicara Harmoni adalah sebuah *talkshow* santai yang membincangkan mengenai isu-isu sosial dan budaya dan mempromosikan pemahaman serta toleransi antara berbagai kelompok masyarakat.

**2 OKTOBER 2024 - 15 DISEMBER 2024**

**469,090**

***JUMLAH TONTONAN DI SEMUA PLATFORM MEDIA SOSIAL JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL***

## 5 SIRI

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip Rukun Negara Sebagai Asas Kepada Titik Perpaduan dan Integrasi Nasional | Kasih Sayang dan Hormat Dalam Beragama | Nilai Dalam Memupuk Perpaduan dan Keharmonian | Keunikan dan Kepelbagaian Makanan, Pakaian, dan Cabaran Gaya Hidup Moden | Keunikan dan Kepelbagaian Adat Tradisi |



# DOKUMENTARI JEJAK HARMONI

Dokumentari Jejak Harmoni Tahun 2024 ini berkonsepkan penggambaran yang menjejaki kisah-kisah harmoni rakyat Malaysia. Dokumentari Jejak Harmoni ini melibatkan 6 lokasi:




**674,000 TONTONAN**
**(7 OKTOBER HINGGA 14 DISEMBER 2024)**



# SAMBUTAN HARI TOLERANSI

Sambutan Hari Toleransi Sedunia telah diadakan di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka bagi meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya, dan adat resam untuk memperkukuhkan keharmonian dan perpaduan.

Sambutan ini juga bertujuan untuk membudayakan mesej keharmonian melalui konsep Faham, Hormat, dan Terima dalam masyarakat pelbagai kaum. UNESCO telah mengisytiharkan 16 November sebagai Hari Toleransi Sedunia untuk menghargai kepelbagaian budaya dunia.

*Harmony Walk* iaitu lawatan ke rumah-rumah ibadat, muzium dan bangunan kebudayaan turut diadakan yang bertujuan untuk mengajak rakyat berbilang kaum mengenali budaya dan agama serta menyemai semangat keharmonian dalam diri rakyat Malaysia.





# PERJUMPAAN BERSAMA MAJLIS PERUNDINGAN MALAYSIA BAGI BUDDHA, KRISTIAN, HINDU, SIKH DAN TAOISME (MCCBCHST)

Sesi pertemuan antara YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bersama Majlis Perundingan Malaysia bagi Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taoisme (MCCBCHST) telah diadakan pada 18 September 2024.

Pertemuan ini bertujuan untuk membincangkan isu berkaitan penempatan pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di jabatan Kerajaan dan Kementerian.

Pertemuan ini telah menemui kata sepakat antara semua wakil atau pemimpin agama islam dan selain Islam berhubung polemik penempatan pegawai JAKIM. Kesemua pemimpin agama bersetuju akan memanfaatkan Biro Pengurusan Isu dan Mediasi dalam mencari solusi kepada isu, permasalahan atau polemik.






# SEGMEN 6
# MELAHIRKAN PEMIMPIN SUKARELAWAN DAN BELIA



# MISI SUKARELAWAN YSS

Misi sukarelawan YSS adalah salah satu platform tapak integrasi nasional di mana individu daripada latar belakang yang berbeza bersatu dalam membantu demi matlamat yang lebih besar. Misi yang dikendalikan oleh Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kesukarelawan agar semangat sukarelawan dipupuk dan dibudayakan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat.

Antara projek yang telah dilaksanakan ialah penurapan jalan, tuisyen, pembinaan tapak pelupusan sampah, menambah baik fasiliti awam, pemasangan lampu solar, dan program kebudayaan.







# MISI SUKARELAWAN YSS



**Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2024**

1 September - 18 September 2024

| 6 | 99 | 44, 087 | 223 |
|---|---|---|---|
| Lokasi | Sukarelawan Siswa | Penerima Manfaat | Projek Sukarelawan |



**Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sarawak 2024**

25 Oktober - 9 November 2024

| 6 | 100 | 40, 636 | 175 |
|---|---|---|---|
| Lokasi | Sukarelawan Siswa | Penerima Manfaat | Projek Sukarelawan |






# MISI SUKARELAWAN YSS










**Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Kelantan 2024**

22 November - Disember 2024

| | | | |
|---|---|---|---|
| **1** | **32** | **16, 133** | **60** |
| Lokasi | Sukarelawan Siswa | Penerima Manfaat | Projek Sukarelawan |



**Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Kedah 2024**

22 November - 7 Disember 2024

| | | | |
|---|---|---|---|
| **3** | **31** | **13, 838** | **105** |
| Lokasi | Sukarelawan Siswa | Penerima Manfaat | Projek Sukarelawan |

# MISI SUKARELAWAN SISWA YSS *GREEN SUMMER VOLUNTEER CAMPAIGN* (GSVC) KE VIETNAM 2024

***Green Summer Volunteer Campaign*** (GSVC) yang dianjurkan oleh Kesatuan Belia Ho Chi Minh Vietnam sejak 1994 dan melibatkan lebih daripada 100,000 orang belia dan sukarelawan universiti setiap tahun untuk menyertai program yang berteraskan kesukarelawan dan komuniti selama sebulan.

**YSS menghantar sukarelawan siswa ke Vietnam pada 4 Julai hingga 9 Ogos 2024**

**4 LOKASI DI HO CHI MINH, VIETNAM**

- **Thoi An Ward, District 12**
- **Phuoc Loc Commune, Nha Be District**
- **Tan Nhut Commune, Binh Chanh District**
- **An Nhon Tay, Cu Chi District.**

**47 ORANG SUKARELAWAN SISWA**

**1,630 JAM SUKARELAWAN**

**172 PROJEK SUKARELAWAN**

**31,517 PENERIMA MANFAAT**









# EJEN PERPADUAN

Bermula pada tahun 2024 Alumni Yayasan Sukarelawan Siswa dilantik menjadi Ejen Perpaduan yang berperanan dalam memupuk semangat perpaduan di kalangan mahasiswa dan masyarakat. Sebagai Ejen Perpaduan para alumni akan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dan program yang bertujuan untuk memperkukuh hubungan antara pelbagai kaum, etnik dan budaya di Malaysia.

Langkah ini juga selaras dengan usaha kerajaan untuk memupuk semangat keharmonian dan mengurangkan jurang antara masyarakat melalui sukarelawan dan penyertaan aktif dalam program perpaduan.




**305 EJEN PERPADUAN**

**DARIPADA PELBAGAI KAUM DAN INSTITUSI PENGAJIAN**

# BIASISWA
# TUNKU ABDUL RAHMAN (BTAR)

Pada tahu 2024, Yayasan Tunku Abdul Rahman telah menganugerahkan 29 biasiswa kepada pelajar daripada pelbagai IPTA dan IPTS di seluruh negara. Biasiswa ini bagi membantu pelajar berpotensi tinggi dan berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di samping membentuk diri mereka menjadi pemimpin muda.

Pelaksanaan biasiswa ini turut mendapat penajaan kohort 2024 Tunku *Scholars*.

- GrabForGood Fund
- Amalan Setar
- Asia Community Fund
- Universiti Tunku Abdul Rahman
- IMU University
- Yayasan Management and Science University














# CLOSING THE GAP

Pada tahun 2024, seramai *69 Scholars* telah menghadiri program *Closing The Gap* (CTG) bersama 68 mentor yang telah memberi sokongan kepada para *scholars*. CTG adalah sebuah program bimbingan mentor selama 2 tahun yang menyokong pelajar-pelajar sekolah menengah berpendapatan rendah melalui bimbingan berstruktur, bengkel dan pendedahan yang melengkapkan para pelajar dengan kemahiran, pengetahuan dan persediaan minda yang diperlukan untuk melangkah ke universiti-universiti ternama.

# PROGRAM KEPIMPINAN TUN RAZAK

Program Kepimpinan Tun Razak (PKTR) telah dilaksanakan sejak 30 tahun lalu oleh Yayasan Tun Razak bertujuan menggilap bakat generasi pemimpin masa depan, memupuk perpaduan antara kaum di kalangan peserta pelbagai aliran sekolah dan memperkenalkan legasi Tun Abdul Razak. Sejak 1993, lebih 2,000 pelajar cemerlang telah mendapat manfaat daripada program ini.

**TAHUN 2024**

**75** **PELAJAR LEPASAN SPM MENGIKUTI PKTR**








# SEGMEN 7
# KAMPUNG ANGKAT MADANI



# KAMPUNG ANGKAT MADANI

### DI KAMPUNG BATU PAPAN, GUA MUSANG, KELANTAN

## RM2.5 JUTA

### PERUNTUKAN PROGRAM

Pemilihan kampung ini adalah bertepatan dengan kriteria yang digariskan oleh Kerajaan iaitu kampung yang mempunyai liputan kemudahan bawah 50 peratus atau mempunyai kemudahan asas daif dan tidak lengkap serta memerlukan perhatian khusus.



**18 Projek Fizikal (Pembaikan/Naiktaraf/Ubahsuai) antaranya:**

**Kemudahan Asas (Dewan Terbuka & Pemasangan 34 Lampu Jalan - Solar)**

**Pendidikan (Tabika)**

**Keselamatan dan Ketenteraman Awam (Pondok SRS dan Bangunan KRT)**

**Sosio-Ekonomi (Keceriaan Gua Madu dan Kolam Ternakan Ikan Air Tawar)**

**Fasiliti Riadah, Sukan dan Rekreasi (Kompleks Futsal, Padang Bola, Taman Permainan Kanak-Kanak)**










# SEGMEN 8
# TADBIR URUS PERPADUAN



# LAWATAN KERJA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA KE SINGAPURA

Lawatan kerja ini diadakan bagi mengangkat keunikan konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity) di Malaysia ke persada antarabangsa serta melaksanakan penanda aras berdasarkan amalan terbaik dunia.













# LAWATAN KERJA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA KE INDONESIA

Semasa lawatan kerja ini diadakan pelbagai pengisian dibuat termasuklah perbincangan dua hala berkaitan kerjasama antarabangsa dalam aspek perpaduan, mediasi komuniti, perpustakaan, arkib dan pemuziuman serta merasmikan Pameran CitraNusa@Indonesia: Kita Serumpun di Muzium Kebangkitan Nasional, Jakarta, Indonesia pada 13 Ogos 2024.







# MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN)

Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) berperanan sebagai badan penasihat kepada Kerajaan dalam hal-ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional (national reconciliation) dari pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik berhubung dengan isu-isu perpaduan kepada Kerajaan.

Pada tahun ini MPPN telah bersidang sebanyak dua (2) kali yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri pada:

**29 FEBRUARI 2024**
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)

**16 OKTOBER 2024**
PARLIMEN MALAYSIA





# MEXUNITY







**2 KALI MESYUARAT**

**27 MEI 2024**

**10 OKTOBER 2024**

Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Negara Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity) ditubuhkan di peringkat kementerian untuk menyokong MPPN dan dipengerusikan oleh YB Menteri Perpaduan Negara.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh Ahli - Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang memegang portfolio perpaduan dan EXCO yang memegang hal-ehwal agama selain islam.

Mesyuarat ini berperanan sebagai platform perbincangan antara KPN dan Kerajaan Negeri mengenai dasar dan isu-isu perpaduan serta program-program perpaduan yang dirancang oleh pihak KPN untuk pelaksanaan di peringkat negeri dan daerah.










# MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI)

Jawatankuasa ini merupakan satu-satunya platform yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk merapatkan jurang antara badan-badan agama Islam dan selain Islam serta berkongsi pandangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.

Jawatankuasa ini telah bersidang pada 8 Ogos 2024 yang dipengerusikan bersama oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

# PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di ucapkan kepada:

**YB DATUK AARON AGO DAGANG**
Menteri Perpaduan Negara

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI**
Timbalan Menteri Perpaduan Negara

**DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD**
Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

**TUAN MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD**
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

**DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD**
Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

**DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A. KASIM**
Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia

**DATO' JAAFAR SIDEK BIN HJ. ABDUL RAHMAN**
Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia

**DATO' SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB**
Mantan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

**TUAN WONG KIN LIN**
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sukarelawan Siswa

**PUAN IDA THIEN FENG FENG**
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Tunku Abdul Rahman

**YM TENGKU HARITH AZIZ**
Setiausaha Lembaga Yayasan Tun Razak

**PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN**
**WARGA KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI KPN**

# LAPORAN PENCAPAIAN YB MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024 INI DISEDIAKAN OLEH:

**DR SHATESH KUMAR A/L SANGAR**
Setiausaha Akhbar

**MUTIA AZURA BINTI MOHAMED**
Ketua Unit Komunikasi Korporat

**NUR FARHANA BINTI ABDUL RAZAK**
Pegawai Perhubungan Awam

**NUR EMIELIANA BINTI ISHAK**
Pegawai Perhubungan Awam

**MUHAMMAD AZIZI AIMAN BIN ZAIMI**
Penolong Penyelaras Media Sosial

**MOHD ZUHAIRI BIN MOHAMAD KHIR**
**MOHAMMAD NUR IKMAL BIN USMAN**
Jurufoto




KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

MALAYSIA MADANI

# PERPADUAN
## DALAM KEPELBAGAIAN

**DITERBITKAN OLEH:**

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
Aras 5 - 10 Blok F9, Parcel F, Lebuh Perdana Timur,
Presit 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA
Tel : 03-8091 8000
Laman Web : www.perpaduan.gov.my

**Hak cipta terpelihara Kementerian Perpaduan Negara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.**

**@aaronagodagang**

ISBN 978-967-2709-20-6

9 789672 709206